

Pelajar UPM tembus industri perladangan global, bawa inovasi Malaysia ke Sri Lanka




Oleh: Noor Ezreen Jufri

SERDANG, 5 Mei – Universiti Putra Malaysia (UPM) terus mengukuhkan reputasinya sebagai peneraju pendidikan pertanian apabila seorang pelajarannya berjaya menembusi industri perladangan antarabangsa dan memindahkan kepakaran Malaysia ke luar negara.

Pelajar Tahun Empat, Bachelor dalam Pengurusan Perladangan (BSPP), Rakuti Pertanian, UPM, Temilasan Negerang, menjadi sebahagian sebagai pelajar pertama program tersebut menjalani latihan industri luar negara dalam sektor perladangan, menandakan pencapaian baharu dalam agenda pengantarabangsaan universiti.

Beliau kini menjalani latihan industri selama setahun di Watawala Plantations PLC di Galle, Sri Lanka, selama 10 bulan, selaras dengan model pembelajaran 3+1 BSPP UPM yang menekankan pengalaman industri secara menyeluruh.



Temilasan berikutan berikutan beliau bukan sekadar sebagai petani, tetapi turut menyumbangkan secara langsung kepada peningkatan kecakapan operasi ladang.

"Sepanjang tempoh tersebut saya berjaya membina 18 handbook perladangan komprehensif merangkumi peringkat asas, lanjutan dan profesional yang kini dijadikan rujukan oleh pengurusan ladang," katanya.



Beliau turut mengendahkan beberapa sesi latihan kepada pengurus dan penolong pengurus ladang bagi meningkatkan kecakapan serta pemahaman dalam penggunaan ladang moden.

"Pengalaman ini membuka peluang untuk saya bukan sahaja belajar tetapi berbangkit amalan teknik penggunaan perladangan dari ladang. Saya melihat sendiri bagaimana penambakan sistem dan latihan boleh meningkatkan kecakapan operasi ladang secara signifikan," katanya.

Tambah beliau, sektor perladangan di Sri Lanka masih bergantung kepada sistem tradisional dengan tahap penggunaan teknologi yang lebih rendah berbanding Malaysia telah membuka ruang besar untuk pemindahan ilmu dan inovasi.



Selain itu, pengalaman ini bukan sahaja meningkatkan kompetensi profesional beliau, malah memperkukuh kebolehpasaran graduan UPM di peringkat global.

Kejayuan ini turut mencerminkan kejayaan universiti dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja bersedia untuk industri tetapi juga mampu menjadi agen perubahan dan rakan strategik kepada sektor perladangan antarabangsa.

Dalam pada itu, UPM yakin pencapaian ini bakal memperluas peluang mobiliti pelajar serta memperkukuh kerjasama industri antara dan rakan antarabangsa yang secara langsung mempromosikan negara sebagai hub kepakaran perladangan serantau dalam menegasi isu keterjaminan makanan.

Other News

- Professor UPM terima AFNC has...**
[Read more >](#)
- Uncle Sri dirindui warga UPM...**
[Read more >](#)
- 16 tahun dedikasi pembangunan...**
[Read more >](#)
- UPM kitraf kecamerangan...**
[Read more >](#)
- UPM promotes holistic child...**
[Read more >](#)
- UPM MPCA buka ruang kerjasama...**
[Read more >](#)

News Archive

Latest

- Year
- 2028
- 2025
- 2024
- 2023
- 2022
- 2021
- 2020
- 2019
- 2018
- 2017



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pgk@upm.edu.my

Media

- News
- Article
- Video
- UPM in the News
- Document

Contact Us

Feedback

Others

- UPM Holdings
- UPM Plate Number
- Give to UPM
- Tender and Contracts
- Ministry of Higher Education
- UPM at HEB
- SustainabilityUPM